



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PEMIKIRAN KEUSAHAWANAN DALAM PENGURUSAN SEKOLAH

HARIYATY AB WAHID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

 **10 Oktober 2005**

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah**HARIYATY AB WAHID**

P 29643



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Tiada kata yang lebih indah, selain puji dan syukur kehadrat Ilahi, kerana dengan limpahan rahmat dan nikmat-Nya penulisan kertas projek ini berjaya disempurnakan. Selawat beriring salam dipanjangkan kepada insan termulia iaitu Nabi Muhammad SAW, juga kepada para sahabat yang telah berganding bahu bersama baginda untuk memperkenalkan Islam hingga kekal sampai ke hari ini.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih khas kepada Dr. Norasmah Hj. Othman, selaku penyelia yang telah memberikan sokongan padu sepanjang pengajian sehingga proses penulisan ini berjaya diselesaikan. Penghargaan seterusnya ditujukan kepada para pensyarah Program Pendidikan Perniagaan dan Keusahawanan serta seluruh tenaga pengajar Fakulti Pendidikan di UKM Bangi. Didoakan semoga tiap butiran ilmu yang ditaburkan menjadi berkat dan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pihak BPPDP-KPM dan JPN Negeri Perak, atas kebenaran untuk menjayakan projek penyelidikan ini. Di samping itu, tidak luput daripada penghargaan atas kerjasama para responden dan semua pihak yang terlibat. Didoakan semoga kerjasama yang diberikan, mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah yang Maha Kuasa di dunia dan di akhirat kelak.

 Penghargaan setulus budi buat sahabat-sahabat seperjuangan dalam pengajian dan yang di luar pengajian. Walaupun tidak dinyatakan satu persatu, namun kalian sentiasa dalam doaku. Tidak pernah saya lupakan, bahawa sepanjang pengajian kalian merupakan *supporter* dalam bentuk material dan spiritual. Terima kasih atas ukhuwah yang dijalankan. Penghargaan yang tidak terucap kupersembahkan kepada kalian semua. Mudah-mudahan Allah akan melipat gandakan rahmat-Nya atas setiap niat baik yang kalian curahkan.

ptbupsi

Penghargaan yang teristimewa buat ayahanda Ab Wahid Mydin dan bonda Normah Mahmood. Berkat doa dan restu ayahanda bonda yang berterusan, anakanda masih terus berjuang hingga ke hari ini bagi merealisasikan hasrat kita bersama. Juga buat adik-adik tersayang: Haryana, Al Jafri dan Al Bakri. Sebuah kasih sayang yang tidak terungkap dibuktikan dalam saban doa. Kekuatan mental dan spiritual yang ada dalam diri ini adalah berkat dorongan dan ingatan kalian.

Akhir sekali, ucapan terima kasih ditujukan buat semua individu yang terlibat, secara langsung dan tidak langsung dalam penulisan ini dari awal hingga ke akhir, dengan harapan tiap bait penulisan ini memberi manfaat dan mempertingkatkan iltizam membangunkan budaya keusahawanan kepada masyarakat pendidikan di Malaysia. Amin, Ya Rabb al -'Alamin.



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meninjau gaya pemikiran keusahawanan di kalangan 85 orang pengetua sekolah menengah di Negeri Perak Darul Ridzuan dalam menguruskan sekolah masing-masing. Fokus kajian adalah untuk melihat sama ada gaya pemikiran pengetua sama seperti gaya pemikiran seorang usahawan atau sebaliknya dengan meninjau tahap ciri-ciri keusahawanan yang dimiliki oleh pengetua dan tahap pemikiran keusahawanan yang dominan diamalkan oleh pengetua dalam menguruskan sekolah. Selain itu, gaya pemikiran pengetua dalam menguruskan sekolah akan ditinjau dari aspek latar belakang pengetua dan ciri-ciri keusahawanan yang ada pada pengetua. Kajian yang dijalankan adalah kajian tinjauan dalam pendekatan kuantitatif. Soal selidik telah digunakan untuk memungut data dalam kajian ini. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 12.0 dan dipersembahkan dalam bentuk skor min dan sisihan piawai, peratusan, frekuensi dan ujian statistik seperti ujian – t dan ujian korelasi Pearson (r). Dapatkan kajian ini menunjukkan tahap ciri-ciri keusahawanan yang dimiliki oleh pengetua adalah tinggi dalam kempat-empat dimensi kajian. Tahap ciri keusahawanan yang paling menonjol ialah ciri berorientasikan matlamat. Dapatkan kajian juga menunjukkan gaya pemikiran keusahawanan pengetua adalah tinggi dalam ketiga-tiga dimensi yang dikaji. Pemikiran kreatif dan inovatif ialah pemikiran keusahawanan yang paling dominan diamalkan oleh pengetua. Dapatkan turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara ciri-ciri keusahawanan dan pemikiran keusahawanan berdasarkan faktor jantina dan lokasi sekolah. Bagaimanapun, wujud hubungan positif pada kadar yang tinggi antara ciri-ciri keusahawanan dengan pemikiran keusahawanan pengetua dalam pengurusan sekolah. Implikasi dari dapatkan ini menunjukkan bahawa pengetua sekolah menengah di Negeri Perak memiliki ciri-ciri dan pemikiran ala usahawan. Oleh yang demikian, pengetua selaku insan terpenting di sebuah sekolah perlu sedar akan ciri-ciri keusahawanan dan potensi pemikiran keusahawanan yang ada pada diri mereka serta menggunakan dengan sebaik mungkin bagi menambahbaik lagi keadaan pengurusan sekolah masing-masing.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## ENTREPRENEURIAL THINKING IN SCHOOL MANAGEMENT

### ABSTRACT

The purpose of this study is to observe the entrepreneurial thinking in school management among 85 secondary school principals in Perak Darul Ridzuan. The foci of the study are to determine whether the principals' thinking style is likely the same with that of the entrepreneurs' or vice versa by observing the level of the principals' entrepreneurial characteristics and the dominant entrepreneurial thinking in school management as well. Moreover, the principals' entrepreneurial thinking in school management will be observed from their background aspects and the entrepreneurial characteristics. This study is a survey study using quantitative approach. Questionnaires were used to collect data. The data was analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 12.0 and presented in the form of mean score and standard deviation, percentages, frequencies and statistical test such as t- test and Pearson (r) Correlation test. The result shows that the level of the principals' entrepreneurial characteristics is high in all the three dimensions studied. The outstanding entrepreneurial characteristic level is goal orientation. Creative and innovative thinking are the dominant entrepreneurial thinking carried by the principals. The result also shows that there are no significant differences in terms of principals' entrepreneurial characteristics and entrepreneurial thinking in school management based on gender and school location. However, there is a strong positive correlation between entrepreneurial characteristics and entrepreneurial thinking in school management among principals. The implications of these findings show that the secondary school principals in Perak have the entrepreneurial characteristics and thinking. Therefore, as the most important person in school, these principals should realize the entrepreneurial characteristics and the potential of entrepreneurial thinking they have and use both of them wisely in order to improve the school management.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	8
1.5	Tujuan Kajian	12
1.5.1	Objektif Kajian	12
1.5.2	Persoalan Kajian	13
1.5.3	Hipotesis Nol Kajian	13
1.6	Kepentingan Kajian	14
1.7	Batasan Kajian	16
1.8	Definisi Operasional	16
1.8.1	Pemikiran	16
1.8.2	Keusahawanan	17
1.8.3	Pengetua	17
1.8.4	Pengurusan	17
1.8.5	Sekolah	18
1.9	Rumusan	18

**BAB 2 ULASAN KEPUSTAKAAN**

2.1	Pendahuluan	19
2.2	Pemikiran Keusahawanan	20
2.2.1	Konsep Pemikiran	20
2.2.2	Konsep Keusahawanan	22
2.3	Teori dan Model Pemikiran Keusahawanan	25
2.3.1	Model Pemikiran Keusahawanan	26
2.3.2	Teori Tingkah Laku Usahawan Stevenson, Roberts dan Grousbeck (1989)	28



	2.3.3 Keusahawanan Sebagai Proses Tingkah laku Model Moore (1989)	29
2.4	2.3.4 Teori Kreativiti	30
	Ciri-Ciri Usahawan	32
	2.4.1 Keyakinan Diri	36
	2.4.2 Membuat Perancangan	37
	2.4.3 Berorientasikan Matlamat	39
	2.4.4 Menyelesaikan Masalah	41
2.5	Gaya Pemikiran Pengetua dalam Pengurusan Sekolah	42
	2.5.1 Kreatif dan Inovatif	44
	2.5.2 Mengurus dan Menanggung Risiko	46
	2.5.3 Kepimpinan	47
2.6	Kajian Mengenai Ciri-Ciri Demografi dengan Pemikiran Keusahawanan	50
2.7	Rumusan	53

### BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	54
3.2	Reka Bentuk Kajian	54
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	55
3.4	Alat Kajian	56
	3.4.1 Pembinaan Alat Kajian	57
	3.4.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	59
	3.4.3 Pembolehubah Kajian	59
	3.4.4 Kajian Rintis	60
3.5	Tatacara Pemerolehan Data	60
3.6	Tatacara Penganalisaan Data	61
3.7	Rumusan	63

### BAB 4 HASIL KAJIAN

4.1	Pendahuluan	64
4.2	Profil Responden	65
	4.2.1 Analisis Profil Responden	66
4.3	Ciri-Ciri Keusahawanan Pengetua	71
4.4	Gaya Pemikiran Pengetua	72
4.5	Dapatkan Kajian	74
	4.5.1 Hipotesis Nol Ho <sub>31</sub>	74
	4.5.2 Hipotesis Nol Ho <sub>32</sub>	75
	4.5.3 Hipotesis Nol Ho <sub>41</sub>	76
	4.5.4 Hipotesis Nol Ho <sub>42</sub>	77
	4.5.5 Hipotesis Nol Ho <sub>5</sub>	78
4.6	Rumusan	78

## BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	80
5.2	Ringkasan Kajian	80
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	82
	5.3.1 Tahap Ciri-Ciri Keusahawanan Pengetua	82
	5.3.2 Gaya Pemikiran Keusahawanan Pengetua	86
	5.3.3 Pemikiran Keusahawanan Berasaskan Jantina	86
	5.3.4 Pemikiran Keusahawanan Berasaskan Lokasi Sekolah	87
5.4	Pemikiran Keusahawanan Mengikut Dimensi	88
	5.4.1 Kreatif dan Inovatif	89
	5.4.2 Mengurus dan Menanggung Risiko	90
	5.4.3 Pemimpin dan Mempunyai Gaya Kepimpinan	92
5.5	Kesimpulan Kajian	94
5.6	Implikasi Dapatan Kajian	97
5.7	Cadangan	99
	5.7.1 Skop Kajian	99
	5.7.2 Populasi dan Sampel Kajian	100
	5.7.3 Kaedah Kajian	100
	5.7.4 Modul Latihan	101
	5.7.5 Pengetua Sekolah	101
	5.7.6 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	102
5.8	Rumusan	102

## LAMPIRAN

A	Jadual 1: Tahap Ciri-Ciri Keusahawanan – Dimensi Keyakinan Diri	115
	Jadual 2: Tahap Ciri-Ciri Keusahawanan – Dimensi Membuat Perancangan	115
	Jadual 3: Tahap Ciri-Ciri Keusahawanan – Dimensi Berorientasikan Matlamat	116
	Jadual 4: Tahap Ciri-Ciri Keusahawanan – Dimensi Menyelesaikan Masalah	116
	Jadual 5: Tahap Pemikiran Keusahawanan – Dimensi Kreatif dan Inovatif	117
	Jadual 6: Tahap Pemikiran Keusahawanan – Dimensi Mengurus dan Menanggung Risiko	118
	Jadual 7: Tahap Pemikiran Keusahawanan – Dimensi Pemimpin dan Mempunyai Gaya Kepimpinan	119
B	Borang Soal Selidik	120
C	Senarai Sekolah	128
D	Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Kajian	131
E	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan daripada Jabatan Pelajaran Negeri Perak.	133
F	Surat Pengesahan Sebagai Pelajar UKM	134
G	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan daripada EPRD	135

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Halaman
1.1 Ringkasan Model Pemikiran Keusahawanan	27
2.1 Ciri-Ciri Usahawan Berjaya	34
3.1 Jadual Taburan Item Ciri-Ciri Keusahawanan	57
3.2 Jadual Taburan Item Pemikiran Keusahawanan	58
3.3 Nilai Pekali Kebolehpercayaan Item	60
3.4 Jadual Interpretasi Skor Min	62
3.5 Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Dua Pembolehubah	62
4.1 Jadual Menunjukkan Jantina dan Bangsa Responden	66
4.2 Jadual Menunjukkan Status Perkahwinan Responden Berdasarkan Jantina	67
4.3 Jadual Menunjukkan Lokasi Sekolah Responden Berdasarkan Gred Sekolah	67
4.4 Jadual Menunjukkan Kelulusan Akademik Tertinggi Responden	68
4.5 Jadual Menunjukkan Bidang Penghususan Responden	68
4.6 Jadual Menunjukkan Pengalaman Mengurus Sekolah Berdasarkan Pengalaman Mengajar Responden	69
4.7 Jadual Menunjukkan Taburan Responden Yang Pernah atau Tidak Menerima Anugerah	70
4.8 Jadual Menunjukkan Jenis Anugerah Yang Diterima dan Bilangan Responden Yang Menerimanya	70
4.9 Jadual Menunjukkan Taburan Latar Belakang Pekerjaan Ibu Bapa Responden	71
4.10 Jadual Menunjukkan Taburan Responden Mengikut Pengalaman Berniaga	71
4.11 Skor Min dan Sisihan Piawai Ciri-Ciri Keusahawanan Pengetua	72
4.12 Skor Min dan Sisihan Piawai Gaya Pemikiran Keusahawanan Pengetua dalam Pengurusan Sekolah	73





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.13	Analisis Ujian t : Perbezaan Min Antara Pemikiran Keusahawanan Pengetua Berdasarkan Jantina	74
4.14	Analisis Ujian t : Perbezaan Min Antara Ciri-Ciri Keusahawanan Pengetua Berdasarkan Lokasi Sekolah	75
4.15	Analisis Ujian t : Perbezaan min Antara Pemikiran Keusahawanan Pengetua Berdasarkan Jantina	76
4.16	Analisis Ujian t : Perbezaan Min Antara Pemikiran Keusahawanan Pengetua Berdasarkan Lokasi	77
4.17	Keputusan Ujian Korelasi	78
5.1	Jadual Keputusan Kajian Hipotesis Secara Keseluruhan	96



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	11

## SENARAI SINGKATAN

AMN	Ahli Mangku Negara
AMP	Ahli Mahkota Perak
BPG-KPM	Bahagian Pendidikan Guru - Kementerian Pelajaran Malaysia
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
IAB	Institut Aminuddin Baki
IKS	Industri Kecil dan Sederhana
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PPT	Pingat Pekerti Terpilih
s.p	Sisihan Piawai
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 PENDAHULUAN

Sekolah ialah tempat untuk belajar dan mengajar di mana pemberian dan penerimaan ilmu berlaku secara formal. Elemen asasnya ialah guru, pelajar, tempat dan kurikulum. Keempat-empat unsur ini sudah cukup untuk membentuk institusi sekolah. Unsur-unsur seperti bangunan, peralatan, staf sokongan dan kewangan sebenarnya merupakan unsur-sumber sekolah yang penting. Sekolah sebenarnya merupakan unsur sampingan untuk melengkapkan sekolah. Walaupun nampak mudah, konsep sekolah itu akan menjadi lebih kompleks apabila dihubungkan dengan konsep pengurusan. Ini adalah kerana dalam dunia hari ini, kepentingan pengurusan sentiasa segar dan awet muda dalam setiap masa serta apa juga keadaan yang berlaku di dalam organisasi (Azman 2001).

Sekolah sebenarnya ialah satu organisasi sosial iaitu satu kumpulan manusia yang menjalankan tugas secara berstruktur untuk mencapai matlamat yang dikongsi bersama. Ia mempunyai struktur sosial yang khusus berupa rangkaian perhubungan yang terjalin antara guru, pelajar dan kaki tangan yang lain. Ia juga mempunyai budaya iaitu pegangan, nilai, norma dan peranan yang tersendiri. Struktur dan budaya ini perlu difahami oleh semua ahlinya (Hussein 1993).



Sehubungan itu, sekolah memerlukan pengurusan yang benar-benar mantap dan berkesan ke arah merealisasikan matlamat, objektif, visi dan misinya. Di sini, pengetua dilihat sebagai tunggak kepimpinan yang bertanggungjawab menerajui pengurusan dan hala tuju sekolah. Pemikiran seseorang pengetua begitu mempengaruhi keputusan dan tindakan yang diambil dalam melayari serta mengemudi bahtera institusi sosial tersebut. Perbezaan di antara pengetua yang cemerlang dan pengetua yang biasa bertitik tolak dari pemikiran yang dicetuskan. Ini adalah kerana guru-guru cemerlang dikatakan mempunyai pemikiran yang berbeza dengan guru-guru biasa (Pressley dan McCormick 1995).

Pemikiran yang cemerlang adalah penentu pencapaian organisasi. Pengetua perlu berdaya maju dan berdaya saing untuk berjaya. Pemikiran merupakan laras fikiran yang mampu merancang dan mengarah tindakan untuk berdaya saing serta berdaya maju bagi mencapai matlamat. Pengetua juga memerlukan satu pemikiran yang berkesan. Pemikiran yang berkesan ini mampu memberi panduan untuk mereka bertindak dalam keadaan sebenar untuk mencapai kejayaan (Ku Aziliah 2004).



Chandler dan Hanks (1994) menyatakan bahawa pencapaian organisasi merupakan kayu ukur pencapaian usahawan itu sendiri. Ia dipengaruhi oleh beberapa faktor yang dimiliki usahawan merangkumi kecekapan keusahawanan, keupayaan merebut peluang, kebolehan mengurus dan kebolehan memaksimumkan sumber organisasi. Pengetua juga boleh berperanan seperti seorang usahawan dalam mengendalikan organisasi, iaitu sekolah. Pemikiran yang kreatif dan inovatif oleh seseorang pengetua, yang lain dari kebiasaan akan melahirkan impak-impak yang di luar jangkaan dan luar dari kebiasaan. Justeru, pengurusan sekolah yang unggul iaitu yang berjaya mencapai matlamat yang dihasratkan adalah bertitik tolak daripada pemikiran, kepakaran dan kepimpinan pengetuanya.

Selaras dengan keadaan ini, kajian akan membincangkan mengenai pemikiran keusahawanan yang dominan diamalkan di kalangan pengetua dalam menguruskan sekolah dengan jayanya. Kajian ini juga akan memberi fokus kepada faktor-faktor penting yang mewujudkan perbezaan terhadap gaya pemikiran keusahawanan dalam menentukan





kejayaan pengetua dalam mengurus sekolah serta hubungan di antara ciri-ciri keusahawanan dengan gaya pemikiran pengetua.

## 1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Hari ini, masyarakat sering memperkatakan tentang pendidikan dan kecemerlangan sekolah kerana ia menyentuh kepentingan semua lapisan masyarakat. Pelbagai perkara mengenai prestasi pendidikan khususnya di sekolah disentuh dan dibicarakan. Masyarakat masih lagi meletakkan nilai yang tinggi terhadap kecemerlangan pencapaian akademik pelajar kerana setiap ibu bapa inginkan anaknya berjaya dalam pelajaran dan berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Keprihatinan masyarakat terhadap kecemerlangan pendidikan ini amat jelas dan sering dinyatakan dalam akhbar-akhbar tempatan, mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), dan dalam forum-forum atau seminar pendidikan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak (Hussein 1993).



Sekolah sebagai satu sistem sosial merupakan satu set elemen dan aktiviti yang berinteraksi secara bersepada untuk membentuk satu entiti yang tersendiri. Elemen-elemen ini terdiri daripada struktur formal seperti pengurusan dan bangunan, kumpulan-kumpulan informal seperti kelab guru dan persatuan-persatuan pelajar, individu seperti guru, pelajar serta staf sokongan. Aktiviti pula mengandungi hal-hal seperti pengurusan, pengajaran, pembelajaran, penyelenggaraan dan pengawasan. Ekoran itu, pihak pengurusan dan pentadbir sekolah harus bertungkus lumus mencari jalan bagi memajukan pencapaian akademik pelajarnya dan meningkatkan kualiti pendidikan yang ditawarkan agar tidak ketinggalan dalam arus persaingan sengit antara sekolah-sekolah seluruh negara (Ibrahim 2001).

Dari satu sudut yang lain, terdapat keprihatinan masyarakat terhadap masalah yang berkaitan dengan disiplin pelajar seperti kes pembunuhan, ponteng sekolah, buli, dadah, pelajar ponteng jiwa dan kurang dorongan serta minat untuk belajar dan pelbagai





masalah lain lagi. Di peringkat rendah pula, masih kedapatan sebilangan murid yang tidak dapat menguasai kemahiran menulis, membaca dan mengira, walaupun telah bersekolah selama dua, tiga, empat, lima atau enam tahun (Kementerian Pendidikan Malaysia 1999). Lebih membimbangkan lagi, murid-murid ini dikhuatiri tercicir di peringkat menengah kelak. Perkara ini begitu mendapat perhatian dan liputan yang meluas di kaca mata masyarakat (Mohd. Yusof 2002).

Namun, pendidikan unggul seperti yang dicita-citakan oleh negara kurang terdapat di sekolah. Sebahagian besar yang berlaku ialah pengajaran dan penyampaian ilmu. Sekolah, seperti juga mana-mana organisasi sosial yang lain mempunyai kelemahan dan kekurangan tersendiri dalam pelbagai aspek sama ada fizikal, manusia atau kurikulum. Dalam usaha untuk mengejar dan mencapai kecemerlangan pendidikan, kepemimpinan pengetua sering dilihat sebagai fokus utama. Ini bererti bahawa pengetua dilihat sebagai punca masalah atau pihak yang menimbulkan masalah atau sebagai penyelesai masalah dalam perlaksanaan program pendidikan (Hussein 1993).



Pengetua adalah individu yang dipilih dari kalangan guru yang dilantik secara rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mentadbir dan mengetuai sesebuah sekolah menengah dan diberi autonomi untuk menguruskan segala sumber yang ada di sekolah (Mohd Yusoff 2004). Oleh itu, kecemerlangan atau kemunduran prestasi dan prestij sesebuah sekolah dikaitkan dengan bagaimana cemerlang kepimpinan dan budaya kerja pengetuanya. Tambahan pula, Armstrong (2001) menjelaskan bahawa profesionalisme pendidik dan keberkesanan organisasi boleh dicapai menerusi pengurusan ilmu di mana pengetua disaran agar membangunkan budaya terbuka dengan nilai dan norma yang menjurus kepada perkongsian ilmu.

Dalam menangani masalah yang melingkari dunia kepengetuaan ini, pemikiran pengetua itu sendiri perlu diberikan anjakan. Pemikiran keusahawanan dilihat sebagai satu idea yang relevan dan praktikal ke arah mewujudkan tindakan proaktif pengetua agar lebih cekap dan efisien dalam memimpin bidang pengurusan sekolah. Menurut Abd Razak (2001), perubahan dalam konteks sekolah adalah bergantung kepada faktor





penentunya iaitu pengetua. Ini sealiran dengan seruan Abdul Wahab (1995) yang menyatakan bahawa pengetua adalah sebagai pengurus perubahan yang seharusnya menggunakan peluang yang sedia ada untuk mempertingkatkan keupayaan organisasi pimpinannya dan terus mengamalkan penambahbaikan secara berterusan demi kecemerlangan dalam usaha memenuhi hasrat pelanggannya. Di sini, pemikiran ala keusahawanan diharap berupaya mengarah tindakan para pengetua agar mengendalikan hal ehwal pengurusan sekolah persis pemikiran seorang usahawan mengurus hal ehwal premis perniagaannya.

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Gaya pemikiran seseorang pengetua sebuah sekolah didapati berbeza dengan seorang pengetua sebuah sekolah yang lain. Cita rasa, pembawaan, cara melaksanakan tugas dan sebagainya memang berlainan. Maka, pada kebiasaannya, cara mengurus juga berbeza (Ibrahim 2001).



Pelbagai pendekatan dan gaya kepimpinan pengetua dalam menerajui pengurusan sekolah menjadikan setiap sekolah memiliki beberapa perbezaan yang agak ketara dari segi prestasi akademik pelajarnya, kecekapan pentadbiran dan pengurusan sekolah serta bentuk rangkaian hubungan dengan komuniti di sekitar institusi tersebut. Untuk melahirkan sebuah sekolah yang cemerlang tidaklah mudah sebagaimana yang disangkakan. Ini disebabkan tugas di sekolah kini amat mencabar dan kritikal serta memerlukan seorang pemimpin yang kritis dan kreatif untuk mentadbirnya dengan cara yang berkesan (Mohd. Fauzan 1998).

Kualiti pencapaian pendidikan di sekolah sering dipersoalkan oleh orang ramai seolah-olah tiada lagi keyakinan ditaruhkan kepada kewibawaan sekolah dalam hal ehwal mendidik. Perkara sebegini timbul apabila orang ramai yang merupakan “pelanggan” kepada sekolah mendapat murid lepasan sekolah tidak seperti yang diharapkan oleh



 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi  
masyarakat dan negara. Di samping itu, pengetua juga sentiasa bimbang dengan masalah-masalah sekolah seperti masalah disiplin pelajar yang dirasakan semakin merosot, tekanan daripada ibu bapa, pihak-pihak atasan supaya sekolah mencapai keputusan yang sentiasa baik dalam peperiksaan, dan tekanan beban kerja yang semakin mencabar. Masalah-masalah dan hambatan-hambatan tersebut menyebabkan pengetua selalu merasa bimbang kepada pihak-pihak atasan dan bimbang kepada masyarakat (Khairul Zaman 2004).

Pengetua sekarang harus menerima cabaran dan sanggup berhadapan dengan perubahan-perubahan, khususnya dalam bidang pendidikan. Walaupun berat tanggungjawab, sebagai seorang pengetua beliau mempunyai tugas yang besar yang melibatkan kanak-kanak dan belia-belia yang suatu masa nanti akan menjadi rakyat yang boleh menentukan masa hadapan negara. Permintaan yang dikenakan kepada pengetua berbagai-bagai; kerja surat menyurat yang banyak, tugas luar darjah dan luar sekolah yang semakin perlu. Apabila dicampur dengan tugas-tugas asas yang sudahpun sedia banyak, maka bertambah tanggungjawab pengetua. Hambatan-hambatan yang selalu ada seperti kekurangan masa, tenaga, kewangan dan sungutan-sungutan ibu bapa, semuanya boleh memeningkan kepala pengetua (Khairul Zaman 2004).  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi

Pengurus sekolah sekarang perlu mendasari perkembangan kurikulum bagi memenuhi keperluan pelajar. Pengetua selaku pengurus sekolah juga perlu mendalami perkembangan kemahiran pengurusan untuk menyampaikan kurikulum dengan cara yang berkesan dan cekap berdasarkan kepada sumber yang terhad. Pengurus juga seharusnya menghayati perkembangan pendekatan yang mampu membawa perubahan sebagai fenomena semula jadi sekolah (Spinks 1990).

Seorang guru yang dilantik menjadi pengetua mempunyai kurang pengetahuan mengenai tugas-tugas kepengetuaan (Ibrahim 1998). Secara umumnya pentadbir pendidikan di Malaysia tidak diberi latihan yang formal sebelum dilantik ke jawatan pentadbiran. Latihan yang diberikan lebih bercorak kursus-kursus jangka pendek secara intensif dan berorientasikan keperluan melaksanakan tugas-tugas tertentu. Ini



menyebabkan taraf pengurusan dan pentadbiran di sesetengah sekolah kurang memuaskan. Ini jelas menunjukkan bahawa pengetua sebagai pengurus sekolah perlu memperolehi ilmu pengurusan dan kepemimpinan bagi membolehkan mereka memimpin dan mengurus sekolah dengan baik. Ilmu-ilmu tersebut adalah penting ke arah membina pemikiran yang berdaya maju dan berorientasikan kecemerlangan (Robiah 1994).

Dalam menangani masalah gejala sosial yang dilihat semakin meruncing serta isu globalisasi yang tiada penghujungnya, seorang pengetua selaku pemimpin bagi institusi pendidikan perlu sentiasa peka, mempunyai kemahiran serta kefahaman yang jelas tentang proses membuat keputusan terutama dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul. Tugas untuk membuat keputusan perlu dilaksanakan dengan baik kerana ia merupakan tanggung jawab utama pentadbir (Zaidatol Akmaliah 2000).

Merujuk kepada pelbagai masalah yang berkaitan dengan sekolah, maka ia tidak dapat lari daripada menyentuh mengenai gaya pengurusan dan kepimpinan para pengetua selaku pengurus utama di sekolah. Apakah yang selalu difikirkan oleh mereka untuk meningkatkan prestasi sekolah masing-masing? Apakah gaya pemikiran yang digunakan dalam memandu mereka menuju visi dan misi sekolah mereka? Adakah pemikiran yang digunakan oleh mereka dalam mengurus sekolah menyerupai gaya pemikiran seorang usahawan berjaya?

Oleh yang demikian, sebelum seseorang pengetua itu menggunakan mana-mana pendekatan pengurusan yang tertentu, beliau perlulah menggunakan sepenuhnya kekuatan pemikiran bagi melaksanakan pendekatan yang dipilih. Justeru, kajian ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi pemikiran keusahawanan di kalangan pengetua sekolah adalah penting bagi menjana sepenuhnya pendekatan pengurusan yang akan digunakan bagi menguruskan sekolah ke arah sekolah cemerlang, gemilang dan terbilang.





## 1.4 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian yang dibina khusus bagi kajian ini bertujuan untuk menerangkan peranan beberapa faktor yang berkaitan dengan pemikiran keusahawanan di kalangan pengetua yang secara langsung mempengaruhi prestasi dan kecekapan pengurusan sekolah. Kuratko dan Welsh (1994) menyatakan bahawa salah satu daripada peramal atau faktor kecenderungan ke arah keusahawanan ialah faktor demografi. Berdasarkan kajian beliau itu, faktor demografi iaitu jantina dan lokasi sekolah telah diambil untuk dijadikan sebagai pembolehubah tidak bersandar terhadap pemikiran keusahawanan di dalam kerangka kajian ini. Ini adalah penting untuk melihat sama ada kedua-dua faktor tersebut turut mempengaruhi kecenderungan para pengetua sekolah untuk berfikir seperti seorang usahawan dalam menguruskan sekolah masing-masing.

Selain faktor demografi, pembolehubah tidak bersandar yang lain ialah ciri-ciri keusahawanan. Menurut Zaidatol Akmaliah dan Habibah (1997), terdapat 42 ciri yang dikaitkan dengan usahawan yang berjaya pada masa kini. Sabri (2002) pula telah membuat kesimpulan daripada hasil kajian tentang usahawan daripada pengkaji-pengkaji lain dan telah mengutarakan bahawa orang yang berjaya dalam bidang keusahawanan mempunyai ciri-ciri unik yang hampir sama. Namun, bagi membina kerangka konseptual kajian ini hanya empat ciri keusahawanan sahaja yang disesuaikan dengan personaliti pengetua selaku pengurus sekolah iaitu ciri keyakinan diri (Timmons 1979; O'Bonon 1979; Meredith 1982; Clegg & Barrow 1984; Hutt 1994; Zaidatol & Habibah 1997), membuat perancangan (Zaharudin 1995; Aini Hayati 2000), berorientasikan matlamat dan menyelesaikan masalah (King 1985; Gibb 1992; Rye 1994). Keempat-empat ciri tersebut adalah ciri-ciri keusahawanan yang diambil daripada ciri-ciri usahawan berjaya.

Model Pemikiran Keusahawanan oleh Cunningham dan Lischeron (1991) pula digunakan dalam kajian ini bagi mendokong pembolehubah bersandar dalam domain pemikiran keusahawanan dalam pengurusan sekolah di kalangan pengetua. Model tersebut menyatakan antara fokus dan matlamat dalam pemikiran keusahawanan adalah





inovasi, mengurus dan menanggung risiko serta pemimpin dan mempunyai gaya kepimpinan. Sehubungan itu, tiga dimensi telah dikemukakan sebagai domain pemikiran keusahawanan dalam pengurusan sekolah iaitu dimensi kreatif dan inovatif (Kajian Klasik), mengurus dan menanggung risiko (Kajian Pengurusan) serta pemimpin dan mempunyai gaya kepimpinan (Kajian Kepimpinan) di mana ketiga-tiga dimensi tersebut adalah gabungan Model Pemikiran Keusahawanan yang dikemukakan oleh Cunningham dan Lischeron (1991). Dimensi kreatif dan inovatif adalah penting untuk menentukan kewujudan penerokaan minda yang ingin tahu, bagaimana pengalaman didapatkan, bagaimana seseorang itu bermain dengan idea-idea serta bagaimana pengubahsuaian yang inovatif dihasilkan akibat idea kreatif yang dijana. Ini adalah kerana seseorang pengetua sekolah juga ibarat usahawan yang perlu berhadapan dengan tuntutan-tuntutan dan perubahan semasa. Dimensi mengurus dan menanggung risiko pula adalah untuk mengukur tahap pemikiran pengetua dalam mengurus dan berhadapan dengan risiko-risiko yang berkaitan dengan persekitaran institusi pendidikan yang diketuainya. Manakala dimensi pemimpin dan mempunyai gaya kepimpinan pula mengukur pemikiran pengetua selaku pemimpin sekolah dan sama ada pemikiran tersebut menjurus kepada pemikiran seorang pemimpin perniagaan yang mengepalai premis niaganya dengan cekap dan berkesan. Ketiga-tiga dimensi tersebut memberi impak kepada pengurusan manusia, aktiviti dan material sekolah.

Model Pemikiran Keusahawanan seperti yang diperincikan di atas digabungkan pula dengan Teori Kreativiti. Teori Kreativiti merujuk kepada fleksibiliti pemikiran dalam penguraian berbagai-bagi cara yang mungkin untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan suatu kebolehan atau kemahiran untuk menghasilkan idea-idea (Yong 1994). Kreatif juga dilihat sebagai kebolehan mencipta, menghasil dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli. Selain itu, keupayaan usahawan untuk menggunakan segala potensi diri bagi menghadapi dan menangani cabaran serta permasalahan merupakan sifat usahawan yang ada kaitan dengan kreativiti (Plotkin 1990). Oleh itu, kreativiti dalam pemikiran keusahawanan tidak dapat dipisahkan sama ada dalam menghasilkan idea, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, mengurus risiko dan kepimpinan.





Teori Tingkah laku Usahawan Stevenson, Roberts dan Grousbeck (1989) yang menyatakan bahawa tingkah laku seseorang usahawan adalah berorientasikan strategik, kesungguhan dalam merebut peluang, proses memperuntuk dan mengawal sumber serta ganjaran digabungkan dengan Model Moore (1989) yang menerangkan bahawa fasa pembentukan tingkah laku usahawan turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Teori tingkah laku Usahawan Stevenson, Roberts dan Grousbeck mengkategorikan gelagat seseorang kepada dua kategori iaitu pola penganjur dan pola pemegang amanah. Gelagat penganjur berkaitan dengan keyakinan seseorang dalam mengambil peluang dan ia dilihat cenderung kepada gelagat pengurusan seorang usahawan. Gelagat pemegang amanah pula merujuk kepada penggunaan sumber yang cekap tanpa sebarang pembaziran. Kedua-dua gelagat dalam teori tersebut digabungkan dengan Model Moore yang menyatakan bahawa usahawan terbentuk melalui beberapa fasa yang berkait rapat dengan idea, kreativiti dan inovasi. Sesungguhnya, dalam menentukan ciri-ciri keusahawanan, pola tingkah laku, kreativiti dan inovasi seseorang itu adalah perkara-perkara asas yang perlu diambil kira.

Berdasarkan pernyataan, teori-teori dan model yang dikemukakan di atas, maka kerangka konseptual seperti pada Rajah 1.1 yang digunakan dalam kajian ini akan membantu pengkaji meninjau gaya pemikiran ala keusahawanan pengetua sekolah menengah dalam menguruskan sekolah dengan memfokuskan tinjauan terhadap ciri-ciri keusahawanan yang dominan di kalangan pengetua, gaya pemikiran keusahawanan yang dominan di kalangan pengetua dan mengenal pasti sama ada wujud perbezaan antara ciri-ciri keusahawanan serta pemikiran keusahawanan pengetua berdasarkan faktor demografi seperti jantina dan lokasi sekolah serta hubungan di antara ciri-ciri keusahawanan dengan pemikiran keusahawanan pengetua dalam pengurusan sekolah.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun




11

ptbupsi

## Pembolehubah Tidak Bersandar

Pemboleh  
Ubah  
Bersandar



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

(Adaptasi daripada Teori Tingkah Laku Usahawan Stevenson, Roberts dan Grousbeck (1989) dan Teori Kreativiti Walls (1926))



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.5 TUJUAN KAJIAN

Secara umumnya kajian ini dijalankan untuk meninjau gaya pemikiran keusahawanan pengetua sekolah di Negeri Perak Darul Ridzuan dalam menguruskan sekolah masing-masing. Fokus kajian adalah untuk melihat sama ada gaya pemikiran pengetua sama seperti gaya pemikiran seorang usahawan atau sebaliknya. Beberapa ciri keusahawanan dan gaya pemikiran keusahawanan seperti yang dibincangkan dalam kerangka konseptual akan ditinjau untuk menentukan ciri dan gaya pemikiran yang paling menonjol dan dominan. Selain itu, kajian juga mengenal pasti sama ada wujud perbezaan antara ciri-ciri keusahawanan dan pemikiran keusahawanan pengetua berdasarkan faktor demografi seperti jantina dan lokasi sekolah serta hubungan di antara ciri-ciri keusahawanan dengan pemikiran keusahawanan pengetua dalam pengurusan sekolah.

### 1.5.1 Objektif Kajian



Secara khususnya pula, kajian ini cuba mencapai objektif-objektif berikut :

1. Meninjau tahap ciri-ciri keusahawanan yang dimiliki oleh pengetua sekolah di Negeri Perak dalam melaksanakan tugasnya
2. Mengenal pasti gaya pemikiran keusahawanan yang dominan diamalkan oleh pengetua sekolah menengah di Negeri Perak.
3. Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan antara ciri-ciri keusahawanan pengetua berdasarkan faktor demografi seperti jantina dan lokasi sekolah.
4. Mengenal pasti sama ada wujud perbezaan antara pemikiran keusahawanan pengetua berdasarkan faktor demografi seperti jantina dan lokasi sekolah.
5. Mengenal pasti sama ada wujud hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan pemikiran keusahawanan pengetua dalam pengurusan sekolah.





### 1.5.2 Persoalan Kajian

Untuk memberi fokus kepada tujuan kajian ini, objektif-objektif di atas dinyatakan dalam bentuk persoalan seperti di bawah :

1. Apakah tahap ciri-ciri keusahawanan bagi pengetua yang bertugas di sekolah menengah di Negeri Perak?
2. Apakah gaya pemikiran keusahawanan yang paling dominan yang diamalkan oleh pengetua sekolah menengah di Negeri Perak?
3. Adakah wujud perbezaan antara ciri-ciri keusahawanan pengetua mengikut jantina dan lokasi sekolah ?
4. Adakah wujud perbezaan antara pemikiran keusahawanan pengetua mengikut jantina dan lokasi sekolah ?
5. Adakah wujud hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan pemikiran keusahawanan pengetua dalam pengurusan sekolah?



### 1.5.3 Hipotesis Nol Kajian

Untuk tujuan analisis statistik, hipotesis-hipotesis dinyatakan dalam bentuk nol dan diuji pada tahap keertian 0.05. Bagi menjawab persoalan kajian 3, 4 dan 5; hipotesis-hipotesis nol yang diuji itu adalah seperti yang berikut :

- Ho31: Tidak wujud perbezaan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan pengetua lelaki dan pengetua wanita.
- Ho32: Tidak wujud perbezaan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan pengetua sekolah bandar dan luar bandar.



- Ho41: Tidak wujud perbezaan yang signifikan antara pemikiran keusahawanan pengetua lelaki dan pengetua wanita.
- Ho42 : Tidak wujud perbezaan yang signifikan antara pemikiran keusahawanan pengetua sekolah bandar dan luar bandar.
- Ho5 : Tidak wujud hubungan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan dengan pemikiran keusahawanan pengetua dalam pengurusan sekolah.

#### 1.5.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan ke atas pengetua di sekolah-sekolah menengah di Negeri Perak. Sehubungan itu, hasil kajian ini diharap dapat menyediakan data dan menjadi bahan rujukan yang berguna kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Bahagian dan Daerah dalam mengubahsuai dan menggubal dasar baru yang bertujuan ke arah membantu pengurus-pengurus institusi atau jabatan pendidikan memperhebat pembudayaan gaya pemikiran keusahawanan dalam pengurusan di institusi atau jabatan masing-masing.

Dapatan kajian ini juga akan dapat membantu pihak Institut Aminuddin Bakri (IAB), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), universiti-universiti tempatan yang menganjurkan program pendidikan dan maktab-maktab perguruan dalam mengenal pasti elemen-elemen pengurusan sekolah yang memerlukan pemikiran dan tidak tanduk keusahawanan. Sehubungan itu, pihak yang berkenaan dapat menyedia dan melatih tenaga pengurus sekolah atau institusi pengajian menerusi kursus-kursus kepengeretauan dan latihan perguruan yang mengandungi elemen-elemen keusahawanan. Langkah ini adalah bersesuaian bagi memperkasakan lagi profesion keguruan sekaligus merealisasikan pendidikan bertaraf dunia.

Dapatan-dapatan kajian ini boleh dijadikan bahan refleksi kendiri kepada para pengetua dan bakal-bakal pengetua. Kajian ini dapat memberikan maklumat kepada pengetua berkenaan pemikiran keusahawanan dan kaitannya dengan kecemerlangan dalam pengurusan sekolah. Dengan cara ini, bakal pengetua dan pengetua yang sedang berkhidmat di sekolah dapat beroleh kesedaran dan mempersiapkan diri untuk berfikir seperti usahawan dalam menguruskan sekolah ke arah pendidikan berkualiti dan sekolah cemerlang.

Maklumat daripada kajian ini turut membantu guru-guru mengetahui apakah yang sepatutnya pengetua lakukan untuk meningkatkan lagi budaya pengurusan sekolah yang cemerlang. Pemikiran keusahawanan yang diutarakan boleh diadaptasi oleh guru-guru dalam meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan mereka. Ia juga menjadi bahan rujukan berguna kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Keusahawanan, khususnya di sekolah menengah.

Oleh kerana kajian tentang pemikiran keusahawanan pengetua secara khusus dalam pengurusan sekolah belum lagi dijalankan terutamanya di Malaysia. Kajian ini akan dapat menjadi sumber rujukan kepada pengkaji dan bakal pengkaji yang berminat dalam bidang pemikiran keusahawanan serta sebagai dapatan awal untuk kajian selanjutnya. Ia adalah untuk menambahkan lagi bahan kajian literatur untuk pengkaji-pengkaji yang akan datang. Selain menyambung kesinambungan kesedaran terhadap potensi bidang dan pemikiran keusahawanan dalam meningkatkan produktiviti serta keberkesanannya dalam pengurusan sekolah, kajian ini diharapkan dapat menyemarakkan lagi semangat pengkaji yang berminat untuk meningkatkan kuantiti kajian yang berkualiti dalam bidang pendidikan.



## 1.7 BATASAN KAJIAN

1. Populasi kajian ini terbatas kepada 187 orang pengetua sekolah menengah di seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan. Maka, segala rumusan dan generalisasi yang dibuat adalah terhad kepada para pengetua di Negeri Perak Darul Ridzuan sahaja.
2. Keputusan kajian ini tertakluk kepada persepsi dan kejujuran responden. Sebarang pemberian maklumat yang palsu akan mempengaruhi keputusan kajian.

## 1.8 DEFINISI OPERASIONAL

Sebahagian pembolehubah pendidikan terutamanya yang berbentuk fizikal adalah mudah untuk diukur sementara sebahagian pembolehubah pendidikan yang lain terutamanya yang berbentuk gagasan dan konsep sukar diukur. Maka, definisi operasional perlu dilakukan untuk menakrifkannya kepada bentuk yang senang diukur (Mohd Majid 2005). Untuk memandu kajian ini, istilah-istilah berikut perlu diberikan definisi secara operasional :

### 1.8.1 Pemikiran

Pemikiran ialah proses menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai kemungkinan idea atau ciptaan dalam membuat pertimbangan yang wajar bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah seterusnya membuat refleksi dan metakognitif terhadap proses yang dialami (Som dan Mohd. Dahalan 1998). Philips (1997) pula mendefinisikan pemikiran sebagai satu proses mental yang memerlukan pengetahuan melibatkan pengolahan kemahiran-kemahiran mental tertentu ditujukan ke arah penyelesaian masalah. Domain pemikiran dalam kajian





ini bermaksud operasi mental pengetua sekolah yang melibatkan pengaruh minda keusahawanan, ciri-ciri, pengetahuan dan pemahaman keusahawanan ke arah membentuk dan mewujudkan pengurusan sekolah yang cekap dan berkesan.

### 1.8.2 Keusahawanan

Menurut Barjoyai (2000), keusahawanan ialah satu kebolehan, kemampuan dan kecenderungan seseorang itu dalam mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi dan usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan. Bagi tujuan kajian ini, keusahawanan boleh didefinisikan sebagai satu lapangan pemikiran yang membantu pengetua sekolah untuk menguruskan hal ehwal pengurusan sekolah dengan berkesan dan cemerlang.



Menurut Ibrahim (2001), pengetua ialah orang yang ditugaskan untuk memimpin sekolah dan bertanggungjawab menguruskan perjalanannya supaya lancar. Dalam kajian ini, pengetua didefinisikan sebagai pemimpin dan pengurus sekolah yang bertanggungjawab mengurus dan memimpin hala tuju sekolahnya dengan berkesan serta cemerlang.

### 1.8.4 Pengurusan

Menurut Mohd. Pishal dan Rozhan (1991), pengurusan boleh didefinisikan dengan cara yang lebih menyeluruh iaitu sebagai satu proses pengagihan input-input organisasi (termasuk sumber ekonomi dan tenaga manusia) dengan cara merancang, mengarah dan





mengawalnya untuk tujuan mengeluarkan output (barang atau perkhidmatan) yang diperlukan oleh pengguna bagi memenuhi matlamat organisasi. Dalam kajian ini pengurusan merujuk kepada aktiviti yang melibatkan proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal material, manusia dan aktiviti sekolah ke arah pencapaian matlamat.

### 1.8.5 Sekolah

Menurut Ibrahim (2001), sekolah ialah institusi yang dirancang dan diwujudkan mengikut kehendak dan keperluan masyarakat untuk memberi pendidikan kepada anak-anak secara teratur dan tersusun. Dalam kajian ini sekolah didefinisikan sebagai sebuah institusi sosial yang perlu diuruskan oleh pengetua dengan menggunakan pemikiran keusahawanan.

1.9

**RUMUSAN**

Pengetua merupakan nadi penggerak pengurusan sekolah perlu memiliki ciri dan pemikiran keusahawanan dalam memastikan institusi sosial yang dimajukannya itu mencapai matlamat yang telah digariskan. Oleh itu, faktor dan ciri yang mempengaruhi pemikiran keusahawanan perlu dikenal pasti dan diketengahkan buat panduan semua agar ia dapat menjadi wadah dan panduan kepada pengetua yang lain dalam menemui formulasi ke arah pengurusan sekolah yang berkesan lagi cemerlang. Maka, kajian ini cuba mengenal pasti pemikiran keusahawanan yang dominan di kalangan pengetua, ciri demografi yang mempengaruhi perbezaan pemikiran pengetua dan hubungan di antara ciri keusahawanan dengan pemikiran pengetua sekolah di Negeri Perak agar mereka dapat mengurus sekolah mirip seorang usahawan berjaya menguruskan premis perusahaannya.

